



MyAQSA mengalukan keputusan ICC iktiraf Palestin

[Share](#)
[Tweet](#)

MyMetro > Mutakhir


 Suraya Roslan
 suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Yayasan MyAQSA (MyAQSA) mengalu-alukan keputusan Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) semalam yang mengiktiraf Palestin sebagai pihak negara (State Party) kepada Statut Rom seterusnya memutuskan mahkamah itu mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan atas perlakuan jenayah Zionis Israel di bumi Palestin khususnya di Tebing Barat dan Gaza.

Pengerusinya, Suwardi Yaacob berkata, MyAQSA terbabit secara langsung dalam kes ini sebagai Amicus Curiae.



"Selepas hampir setahun pasukan perundangan MyAQSA mengemukakan hujah kepada Pre-Trial Chamber ICC akhirnya semalam, tiga hakim di ICC membuat satu keputusan yang amat bersejarah kepada perjuangan panjang rakyat Palestin dan umat Islam seluruhnya."

"MyAQSA amat berbangga apabila mendapat sebahagian dari hujah kami diterima dan dijadikan asas dalam penghakiman ini," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurutnya, MyAQSA berasa bersyukur dan gembira dengan keputusan itu.

"Keputusan bersejarah ini bakal memberkenan segala jenayah perang, 'genocide' dan jenayah kemanusiaan yang diperlakukan ke atas bumi Palestin khususnya Gaza dan Tebing Barat di bawah ke muka pengadilan Mahkamah Jenayah Antarabangsa."

"Penjenayah dan penindas rakyat Palestin tidak lagi bebas melakukan jenayah sesuka hati mereka di bumi Palestin," katanya.

Katanya, walaupun keputusan itu sungguh bermakna perjalanan kes ini masih jauh lagi.

"Dengan keputusan ini, pendakwa raya di ICC sudah boleh memula, menyiapkan dan melengkapkan siasatan ke atas jenayah yang dilakukan oleh rejim Zionis Israel ke atas rakyat Palestin berdasarkan pelbagai laporan serta bukti yang dikemukakan oleh pelbagai pihak."

"MyAQSA sendiri mengemukakan laporan dan bukti berkaitan kepada pejabat Pendakwawaya ICC sejak 2018 lagi manakala pada September 2019, pasukan perundangan MyAQSA pergi sendiri ke beberapa tempat di sekitar Baitulmagdis dan berjaya merekodkan keterangan lebih 30 saksi mengenai perlakuan jenayah Israel," katanya.

Katanya, walau apapun kes ini sungguh signifikan kepada status Palestin.

"Dengan keputusan ini ICC mengesahkan tanah yang diiduksi secara haram oleh Zionis Israel adalah kepunyaan Palestin."

Mutakhir

- Jom bantu Azizan Baba
- J&T beri penjelasan, memohon maaf
- Polis kesan ibu kandung bayi perempuan
- Satu lagi kluster upacara pengebumian dikesan di Sarawak
- Ziha dikecam pengacara hany kerana dekorasi dapur
- Agong zahir ucapan tahniah kepada Nur Athirah, Putera Aiman
- Dua khemah SJR tumbang dipukul ribut, hujan lebat
- Boleh makan besar 15 orang, tapi...
- 3,731 kes baharu Covid-19, 15 kematian
- Liputan internet teruk di Sungai Air Tawar
- 789 individu ditahan ingkar PKP
- BAM beri amaran keras
- Penyamun kedai telekomunikasi diburu
- Makan besar Tahun Baharu Cina dibenarkan, tidak lebih 15 orang
- Kerajaan negeri peruntuk Kawasan hutan bagi tanaman durian

[Lagi Berita](#)


Info Grafik



Info Grafik

KITAR SEMULA E-SISA


[Lagi Info Grafik >](#)


"Dengan keputusan ini ICC mengiktiraf Palestin sebagai negara yang mempunyai segala hak yang sah di bawah Statut Rom.

"Dengan keputusan ini juga menjadikan ICC satu lagi badan antarabangsa utama yang mengiktiraf hak 'self-determination' rakyat Palestin selain dari Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Majlis Keselamatan PBB dan Mahkamah Keadilan Antarabangsa," katanya.

Suwardi berkata, MyAQSA juga menyedari kejayaan ini hanyalah permulaan kepada satu perjuangan yang lebih panjang.

"MyAQSA komited untuk menekuni dan meneruskan inisiatif perundungan ini. Banyak lagi tindakan susulan dan inisiatif penting lain yang sedang dan akan diusahakan.

"MyAQSA akan terus membantu pihak ICC supaya pendakwaan dan penghukuman ke atas Israel benar-benar dapat direalisasikan," katanya.

Katanya, MyAQSA ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang membantu dan turut menyumbang kepada perjuangan kerdil MyAQSA ini.

"MyAQSA menghargai bantuan dan sokongan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Malaysia, Wisma Putra, Pihak Berkusa Palestina dan Kedutaan Palestina di Malaysia.

"Lebih-lebih lagi penghargaan wajar diberikan kepada pasukan pakar perundungan MyAQSA yang dianggotai Prof Dato Dr Rahmat Mohamad, Lukman Sheriff Alias, Prof Madya Dr Mohd Hisham Mohd Kamal, Dr Fareed Mohd Hassan, Azril Mohd Amin, Wan Rohimi Wan Daud dan Ahmad Edham Abdulwani," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 6 Februari 2021 @ 7:36 PM

Berita Berkaitan



Tuntut hak rakyat
Palestin di ICC



MyAqsa dibenarkan
menjadi sahabat
mahkamah ICC



Palestin sertai ICC 1
April



MyAQSA mahu rejim
Israel didakwa



Palestin gesa ICC
siasat jenayah
perang Israel



Tak akan ke ICC



Akhirmnya siasat

Popular

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh Outbrain



\$250 is now
enough to create
a second income
from companies...
pinkmoon media



Doctor: If You
Have Tinnitus
(Ear Ringing) Do
This Immediately!
healths.vip



Why People in
Malaysia Snap Up
This New
Transparent Mask
ClearShield™



Up Up! The
shares of Netflix
and other
companies kee...
pinkmoontld.com



Invest now \$ 250
in Companies like
Amazon and get a
monthly income...
pinkmoontld.com



The knee brace
that has taken the
world by a storm.
Knee Fix PRO™



People Who Diet
According to
Body Type Lose
More Weight
Health-intelligence.com
More Weight
Health-intelligence.com



Aung San Suu
Kyi: A Fading
Legacy
CNA - Insight
Watch More
CNA - Insight
Watch More



© 2020 Harian Metro,
New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan
Data Peribadi

Berita
Utama
Mutakhir
Global

Arena
Rap/Selbriti
Bisnes
MetroTV

Foto Pilihan
Info Grafik

Langganan
HM ePaper

